

Resorts World Genting dan AGIBOT Memperkukuh Kerjasama Strategik Menerusi Persembahan Robotik Pertama di Peringkat Antarabangsa

Kuala Lumpur, 3 September 2026 – Resorts World Genting (RWG) dan AGIBOT bekerjasama untuk membangunkan IP “Robotics Performance” AGIBOT yang pertama di luar China, susulan pengenalannya di peringkat global pada Februari 2026. Sebagai sebahagian daripada kerjasama strategik ini, kedua-dua pihak baru-baru ini memperkenalkan pratonton eksklusif produksi tersebut, yang mengetengahkan pengalaman hiburan baharu menerusi gabungan teknologi robotik canggih, mitologi Cina dan persembahan pentas secara langsung. Berlangsung pada 29 Ogos 2026 di Genting International Showroom, pratonton ini menandakan satu langkah penting dalam kerjasama antara RWG dan AGIBOT dalam mempersembahkan pengalaman hiburan berasaskan robotik kepada para pengunjung.

Persembahan ini menampilkan “Wukong Never Fades”, sebuah produksi lima babak yang diinspirasi daripada kisah legenda Sun Wukong, Raja Monyet, yang kekal sebagai ikon budaya Cina yang terkenal. Menggabungkan teknologi robotik dengan persembahan secara langsung, produksi ini menghidupkan elemen mitologi dan penceritaan Cina menerusi pergerakan, muzik serta penglibatan lebih daripada 40 robot. Dengan mengetengahkan tafsiran kontemporari terhadap legenda ikonik ini, produksi tersebut memperkenalkan kekayaan budaya Cina dalam bentuk hiburan yang inovatif dan mudah dinikmati oleh pelbagai lapisan penonton.

Genting International Showroom yang berkapasiti 1,000 tempat duduk menjadi pentas bagi persembahan yang menggabungkan teknologi robotik dengan elemen mitologi tradisional, dengan robot AGIBOT memainkan pelbagai watak sepanjang produksi, termasuk model daripada siri X2, A3 dan D1. Direka untuk menarik minat pelbagai golongan, termasuk keluarga, pengunjung antarabangsa dan peminat teknologi, produksi ini menawarkan pengalaman hiburan unik yang menggabungkan inovasi teknologi dengan penceritaan budaya di RWG.

Pratonton ini menandakan satu pencapaian penting dalam hubungan strategik antara RWG dan AGIBOT. Kedua-dua pihak memeterai memorandum persefahaman (MoU) pada 17 April 2026 di Shanghai sempena AGIBOT Global Partner Conference (APC 2026), yang membuka peluang kerjasama dalam bidang taman tema, riadah, hospitaliti dan hiburan. Dalam tempoh lebih empat bulan, kerjasama tersebut mula diterjemahkan kepada pengalaman baharu untuk para pengunjung, dengan Robotics Gala Performance bakal menjadi sebahagian daripada tawaran hiburan RWG pada masa hadapan.

Dihasilkan menerusi kerjasama RWG dan AGIBOT, persembahan ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk meneroka potensi teknologi robotik dalam mencipta pengalaman hiburan yang baharu dan berbeza. Menggabungkan AI (kecerdasan buatan) dengan penceritaan serta warisan budaya, produksi ini bukan sahaja menampilkan keupayaan teknologi robotik, malah memperlihatkan bagaimana inovasi dapat dimanfaatkan untuk menyampaikan kisah dan elemen budaya dalam bentuk persembahan yang kreatif, menarik serta dekat dengan hati penonton.

Pratonton ini memberikan gambaran awal mengenai Robotics Gala Performance yang bakal dilancarkan secara rasmi pada Februari 2027. Produksi berskala penuh ini akan membawa kisah Wukong ke pentas dalam skala yang lebih besar, menggabungkan penceritaan budaya Cina dengan teknologi robotik dan elemen pentas imersif, sekali gus memperkayakan lagi barisan hiburan di RWG.

Maklumat lanjut mengenai pelancaran rasmi, penjualan tiket dan perkembangan persembahan akan diumumkan dari semasa ke semasa menerusi laman web rasmi RWG, rwgenting.com.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

publicrelations@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.

Mengenai AGIBOT

AGIBOT merupakan antara peneraju dalam industri robotik AI (kecerdasan buatan) serba guna global, dengan teknologi teras yang berfokus kepada Embodied AI, iaitu teknologi yang membolehkan AI berinteraksi dengan dunia fizikal melalui sistem robotik. Ditubuhkan pada tahun 2023, AGIBOT membangunkan platform Embodied AI bersepadu yang merangkumi model asas, infrastruktur data,

simulasi, perkakasan robotik serta penerapan teknologi dalam pelbagai aplikasi. Menerusi seni bina “Three Intelligences in One”, AGIBOT menggabungkan tiga keupayaan utama, iaitu kecerdasan pergerakan (Locomotion Intelligence), kecerdasan interaksi (Interaction Intelligence) dan kecerdasan manipulasi (Manipulation Intelligence) dalam satu sistem robotik bersepadu. Portfolio AGIBOT merangkumi robot humanoid, robot berkaki empat, sistem robotik berketangkasan tinggi serta penyelesaian pembersihan komersial. Pada Jun 2026, AGIBOT mencapai satu lagi pencapaian penting apabila robotnya yang ke-15,000 berjaya dikeluarkan dari barisan pengeluaran.